



TUANKU Syed Sirajuddin menyampaikan Anugerah Khas Yayasan Tuanku Syed Putra kepada Abdul Latif, semalam.

**Arau:** Kecemerlangan dua atlet paralimpik negeri Perlis yang menyumbang pingat emas dalam temasya Paralimpik Rio 2016 terus disanjung apabila menerima Anugerah Khas Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), di Istana Arau, di sini, semalam.

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan mengurniakan anugerah itu kepada Abdul Latif Romly, 20, dan Muhammad Ridzuan Muhammad Puzi, 30, yang meraih emas masing-masing dalam acara lompat jauh T20 dan acara 100 meter T36.

Abdul Latif ketika ditemui bersyukur kerana pengorbanan beliau bersama Mu-

## Dua atlet paralimpik terima anugerah khas

hammad Ridzuan mendapat pengiktirafan daripada Raja Perlis.

Katanya, anugerah itu mencetuskan semangat mereka dalam mengharungi Sukan Para ASEAN 2017 yang bakal berlangsung September ini.

"Insya-Allah emas yang dimenangi pada edisi sebelum ini akan dipertahankan. Mengenai penyertaan dalam Sukan SEA...saya tidak menjangkakan emas kerana ini kali pertama saya menyertainya. Bagaimanapun, saya akan cuba mengatasi catatan peribadi," katanya.

Sementara itu, Muhammad Ridzuan juga bertekad mempertahankan emas yang dimenangi pada temasya di Singapura, dua tahun lalu.

"Saya akan cuba sedaya upaya mempertahankan emas demi mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa," katanya.

Selain dikalungkan pingat oleh Raja Perlis, kedua-dua atlet paralimpik itu juga menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM6,000 setiap seorang.

Sebelum ini, kedua-dua atlet paralimpik itu menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri Perlis iaitu ganjaran RM100,000 serta sebuah rumah setiap seorang bernilai RM300,000.

**FAKTA**  
Kedua-dua mereka menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM6,000 setiap seorang